


Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama



# Memamah ke Pusat

**B**aru-baru ini, saya memerhati sekumpulan orang melatih sukan memanah. Semasa pemerhatian saya, saya mendapati bahawa jika anda hendak menjadi mahir dengan busur dan anak panah, ia memerlukan banyak masa dan latihan.

Anda tidak boleh memperolehi satu reputasi sebagai seorang pemanah yang handal dengan memanah pada satu dinding kosong dan kemudian lukiskan sasaran mengelilingi anak panah pada dinding itu. Anda mesti belajar untuk mencari sasaran dan mengenai pusat sasaran.

## Lukiskan Sasaran

Memanah dahulu kemudian lukiskan sasaran mungkin nampaknya tidak masuk akal, tetapi kadangkala kita buat demikian dalam situasi kehidupan kita.

Kita ahli Gereja mempunyai kecenderungan untuk mengikatkan diri kepada program-program Injil, isu-isu, dan juga ajaran yang nampaknya menarik hati, yang penting, atau yang seronok. Kita tertarik untuk melukis sasaran mengelilingi perkara-perkara itu, dan percaya bahawa kita memanah ke pusat Injil.

Ini senang dilakukan.

Sepanjang sejarah kita sudah menerima nasihat dan ilham yang baik dari nabi-nabi Tuhan. Kita juga menerima arahan dan penjelasan dari pelbagai bahan penerbitan, buku panduan, dan manual-manual Gereja. Kita boleh dengan senangnya memilih topik Injil kegemaran kita, lukiskan pusat sasaran mengelilinginya, dan menganggap bahawa kita sudah mengenalpastikan pusat Injil.

## Juruselamat Menjelaskan

Ini bukan masalah unik pada zaman kita. Pada zaman purba, para pemimpin agama menggunakan banyak masa untuk menyenarai, menyusun, dan membahas tentang perintah apakah yang paling penting.

Satu hari, satu kumpulan sarjana agama cuba melibatkan Juruselamat dalam kontroversi itu. Mereka menanya Dia untuk memberi pandangan bagi satu isu yang tidak banyak orang boleh setuju.

Mereka menanya-Nya, “Guru, perintah manakah yang paling utama dalam Taurat?”

Kita tahu jawapan Jesus: “Kasihilah Tuhan, Rajamu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu.

“Inilah perintah yang terutama dan yang terpenting!

“Perintah kedua sama pentingnya dengan yang pertama: Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihinya dirimu sendiri.”

“Seluruh Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi berasaskan kedua-dua perintah ini.”<sup>1</sup>

Sila beri perhatian kepada ayat terakhir: “*Seluruh* Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi berasaskan kedua-dua perintah ini.”

Juruselamat tidak hanya menunjukkan sasaran itu kepada kita, tetapi Dia juga mengenalpastikan pusat sasaran.

## Mengenai Sasaran

Sebagai ahli Gereja, kita berjanji untuk mengambil ke atas diri kita nama Yesus Kristus. Tersirat dalam perjanjian

itu ialah pemahaman bahawa kita akan berusaha untuk belajar tentang Tuhan, menyayangi-Nya, meningkat iman kita kepada-Nya, berjalan seperti-Nya, dan berdiri dengan setia sebagai saksi tentang-Nya.

Lebih banyak kita belajar tentang Tuhan dan merasa kasih sayang-Nya bagi kita, lebih kita menyedari bahawa korban Yesus Kristus yang tak terbatas ialah satu kurnia Tuhan. Dan kasih sayang Tuhan mengilham kita untuk menggunakan jalan pertaubatan yang benar, yang akan menuju ke mukjizat pengampunan. Proses ini membolehkan kita untuk memperolehi kasih sayang dan belas kasih-an yang lebih besar terhadap orang di sekeliling kita. Kita akan belajar untuk melihat di luar label. Kita akan menahan godaan untuk menuduh dan menghakimi orang lain berdasarkan dosa, kelemahan, kecacatan, pandangan politik, kepercayaan agama, kerakyatan, atau warna kulit mereka.

Kita akan memandang setiap orang yang kita temui sebagai seorang anak Bapa Syurgawi kita—saudara atau saudari kita.

Kita akan membantu mereka dengan pemahaman dan kasih sayang—mahupun orang yang tidak mudah disayangi. Kita akan berduka nestapa bersama mereka yang berduka nestapa dan menghibur mereka yang memerlukan penghiburan.<sup>2</sup>

Dan kita akan sedar bahawa kita tidak perlu berasa terseksa tentang sasaran Injil yang betul.

Kedua-dua perintah utama dan terpenting ialah sasaran Injil. Seluruh Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi berasaskan kedua-dua perintah ini.<sup>3</sup> Apabila kita menerima perkara ini, semua perkara baik akan berlaku.

Jika fokus utama kita, fikiran kita, dan usaha kita berpusat pada peningkatan kasih sayang kita kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dan menyayangi orang lain, kita boleh tahu bahawa kita sudah memperolehi sasaran yang betul dan memanah ke pusat sasaran—menjadi pengikut benar Yesus Kristus.

#### NOTA

1. Matius 22:36-40.
2. Lihat Mosia 18:9.
3. Lihat Matius 22:40.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Sebelum berkongsi pesan ini, anda boleh nyanyi "Our Savior's Love" (*Hymns*, no. 113). Kemudian bertimbang untuk menggalakkan mereka yang anda ajar untuk

merenung pada "sasaran" hidup mereka. Anda boleh bincang tentang cara-cara untuk memastikan kedua-dua perintah yang utama dan yang terpenting—"Kasihilah Tuhan, Rajamu" dan "Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri" (lihat Matius 22:37, 39)—menjadi bimbingan kelakuan mereka. Anda juga boleh kongsi cara-cara tertentu di mana anda fokuskan hidup anda pada Kristus dan kongsi kesaksian tentang bagaimana ini sudah memberkati anda.

## REMAJA

### Satu Seyuman Boleh Membuat Perbezaan

Presiden Uchtdorf mengenalpastikan dua matlamat yang harus kita miliki dalam kelakuan kita: kasihan Tuhan dan kasihan sesama diri. Tetapi ada masanya yang susah untuk mengasihi orang lain. Sepanjang hidup anda, akan ada masa apabila susah bagi anda untuk bergaul dengan orang lain—mungkin seorang yang pernah melukakan anda atau seorang yang susah berkomunikasi atau bercampur gaul. Pada masa ini, cuba untuk mengingatkan kasih sayang yang anda rasai dari rakan-rakan, keluarga, Bapa Syurgawi, dan Yesus Kristus. Ingatlah kebahagiaan yang anda rasa dalam situasi-situasi itu dan cuba untuk gambarkan jika setiap orang berpeluang untuk merasa kasih sayang yang sama. Ingatlah bahawa setiap orang ialah puteri atau putera Tuhan dan layak menerima kasih sayang-Nya dan kasih sayang anda.

Fikir tentang seseorang dalam hidup anda yang susah bagi anda untuk bercampur gaul. Masukkan mereka dalam doa-doa anda dan memohon Bapa Syurgawi untuk membuka hati anda kepada mereka. Anda akan mula melihat mereka seperti bagaimana Dia melihat mereka: sebagai seorang anak-Nya yang layak menerima kasih sayang.

Selepas anda berdoa, lakukan sesuatu yang baik untuk mereka! Mungkin jemput mereka untuk menghadiri satu aktiviti Mutual atau berjalan-jalan bersama rakan-rakan. Memberi bantuan dengan kerja rumah. Mahupun hanya ucapkan "helo" dan berikan satu senyuman. Perkara-perkara yang kecil boleh membuat perbezaan . . . dalam hidup anda dan hidup orang itu!

## KANAK-KANAK

### Pusat sasaran!

**P**residen Uchtdorf kata bahawa Injil adalah seperti latihan memanah sasaran. Kita perlu memanah ke perkara-perkara yang penting. Perintah-perintah yang terpenting adalah untuk mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama manusia. Jika kita bertumpu pada dua perkara ini, kita boleh mengenai pusat sasaran setiap kali!

Lukiskan sasaran yang besar di atas sekeping kertas. Tanya seorang ibu atau bapa bacakan senarai berikut.

Jika perkara pada senarai itu boleh menolong kita untuk menunjukkan kasih sayang kepada Tuhan dan orang lain, tuliskan atau lukiskan perkara itu pada tengah-tengah sasaran.

Kongsikan alat permainan anda.

Curi gula-gula.

Pergi ke gereja

Panggil seorang nama buruk.

Ucapkan doa anda.

Memeluk seorang.

Bergaduh dengan adik beradik



Iman, Keluarga,  
Pertolongan

## Tujuan Lembaga Pertolongan

*Kaji bahan pengajaran ini dengan berdoa dan carikan inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi.*

Tujuan Lembaga Pertolongan adalah untuk “menyediakan para wanita untuk berkat kehidupan abadi,” kata Linda K. Burton, Presiden Umum Lembaga Pertolongan.<sup>1</sup> Melalui iman, keluarga, dan pertolongan, kita melibatkan diri dalam “bahagian penting kerja ini.”<sup>2</sup>

Lembaga Pertolongan “ialah satu kerja jasmani dan kerja rohani,” kata Carole M. Stephens, Penasihat Pertama dalam Presidensi Umum Lembaga Pertolongan. “Para wanita pada zaman Juruselamat buat demikian, dan kita hari ini harus terus buat demikian.”<sup>3</sup>

Semasa kita membaca tentang kisah wanita Samaria di perigi, yang meninggalkan buyung airnya dan lari untuk memberitahu orang lain bahawa Yesus ialah seorang nabi (lihat Yohanes 4:6-42), atau Febe, yang melayan orang lain sepanjang hidupnya dengan kegembiraan (lihat Roma 16:1-2), kita dapat melihat teladan wanita pada zaman Juruselamat yang mengambil bahagian untuk datang kepada Kristus. Dialah

yang membuka jalan kita ke kehidupan abadi (lihat Yohanes 3:16).

Apabila kita memandang ke para saudari perintis kita di Nauvoo, Illinois, yang berhimpun di rumah Sarah Kimball pada tahun 1842 untuk menubuhkan organisasi mereka, kita lihat rancangan Tuhan untuk menubuhkan Lembaga Pertolongan selaras dengan imamat. Selepas Eliza R. Snow menuliskan satu perlembagaan, Nabi Joseph Smith kaji semula perlembagaan itu. Dia sedar bahawa Gereja tidak dapat ditubuhkan dengan sepenuhnya sehingga para wanita diorganisasikan. Dia kata bahawa Tuhan menerima rancangan mereka tetapi ada perkara yang lebih baik. “Saya akan mengorganisasikan para wanita di bawah imamat dan menurut pola imamat,” dia berkata.<sup>4</sup>

“Lembaga Pertolongan bukan hanya satu lagi persatuan wanita yang cuba untuk melakukan kebaikan dalam dunia ini. Ia berbeza. Ia adalah ‘lebih baik’ kerana ia ditubuhkan di bawah wewenang

imamat. Penubuhannya ialah satu langkah penting dalam kerja Tuhan pada bumi.”<sup>5</sup>

### ***Tulisan suci dan Maklumat Tambahan***

Ajaran dan Perjanjian 25:2-3, 10; 88:73; [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org)

#### **NOTA**

1. Linda K. Burton, dalam Sarah Jane Weaver, “Relief Society Celebrates Birthday and More March 17,” *Church News*, Mar. 13, 2015, [news.lds.org](http://news.lds.org).
2. Linda K. Burton, dalam Weaver, “Relief Society Celebrates Birthday.”
3. Carole M. Stephens, dalam Weaver, “Relief Society Celebrates Birthday.”
4. Joseph Smith, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 11–12.
5. *Daughters in My Kingdom*, 16.

### ***Pertimbangkan Ini***

Bagaimanakah Lembaga Pertolongan menolong para wanita untuk melaksanakan peranan ilahi mereka yang diberikan oleh Bapa Syurgawi dan membimbing mereka ke kehidupan abadi?